

17/07/2001

Pemuda minta percepat pinda AUKU

Munaarfah Abu Bakar; Sariha Mohd Ali

KUALA LUMPUR, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno mahu Kementerian Pendidikan mencadangkan kepada kerajaan supaya mempercepatkan pindaan Seksyen 15 dan 16 Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971.

Ini bagi melindungi pelajar daripada diperalatkan parti pembangkang dan pertubuhan antikerajaan.

Pengerusi Biro Pendidikannya, Dr Adham Baba, berkata cadangan pindaan itu bukan saja dapat membataskan pengaruh gerakan antikerajaan malah pelajar yang terbabit secara langsung dalam kegiatan itu, akan dikenakan hukuman.

Beliau berkata, dalam banyak kejadian, ramai pelajar baru diperdaya pelajar senior melalui aktiviti program berbentuk pemantapan akidah sedangkan mereka kemudian dipaksa membawa sepanduk atau berhimpun secara haram di tempat awam.

"Mengikut cadangan pindaan terhadap Seksyen 15 (1), (2), (3) dan (4), hanya mereka (pelajar) yang benar-benar terbukti terbabit secara langsung dalam kegiatan antikerajaan atau pertubuhan yang tidak sah, dikenakan tindakan.

"Melalui cadangan pindaan itu juga, tindakan lebih tegas boleh dikenakan terhadap pelajar yang terbabit dengan persatuan tidak berdaftar yang mana pengajian mereka digantung serta merta," katanya kepada Berita Harian di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan, Kementerian Pendidikan sedang merangka kertas cadangan berhubung pindaan AUKU bagi memastikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) memberi tumpuan kepada pelajaran dan bukan kegiatan luar yang merosakkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini berkata, kerajaan akan mengkaji AUKU sama ada peraturan tertentu perlu dipinda bagi memastikan pelajar terus menumpukan perhatian kepada pelajaran ketika di universiti dan bukan menjadikannya pusat kegiatan luar.

Dr Adham berkata, cadangan pindaan Seksyen 15 A, B dan C pula memberi tempoh rehat selama dua minggu bagi persiapan pembelaan diri pelajar di samping pelajar disoal siasat sebelum pertuduhan dibuat dan hukuman dilaksanakan hanya selepas pelajar dibuktikan bersalah.

Bagi cadangan pindaan Seksyen 16, beliau berkata, ia membabitkan perlindungan terhadap kuasa Naib Canselor Universiti secara mutlak bagi memastikan pelaksanaan penguat kuasa disiplin dibuat dengan berkesan.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Pendidikan Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) berkata, cadangan itu akan dibentangkan pada peringkat Biro Bertindak Pemuda BN dalam jangka masa dua minggu ini sebelum dihantar ke Kementerian Pendidikan.

"Selepas dibentangkan pada peringkat Biro Bertindak Pemuda BN, cadangan pindaan itu akan dihantar kepada Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamed atau Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof Dr Hassan Said," katanya.

Pengarah Antarabangsa Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Sheikh Noor Alam, berkata cadangan pindaan AUKU dilihat sebagai langkah proaktif yang dapat menangani masalah disiplin pelajar universiti.

"Ia akan dapat mengekang segala bentuk kegiatan daripada berlaku.

"Pada masa sama, pindaan ini dapat menjana kepada penumpuan budaya kecemerlangan ilmu yang mana interpretasi politik tidak secara demonstrasi dan perhimpunan haram tetapi disokong dengan kematangan minda dan emosi," katanya.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Datuk Suhaimi Ibrahim, bagaimanapun berpendapat, pindaan AUKU perlu dibahaskan pada peringkat badan bukan kerajaan (NGO) dengan wakil pelajar bagi mengelakkan tanggapan negatif mengenainya.

Beliau berkata, segala peruntukan undang-undang melalui akta itu adalah lengkap, tetapi kelemahan yang wujud sebenarnya berpunca dari pelaksanaan penguatkuasaan pihak universiti dan kerajaan sebelum ini.

"Selama inipun memang jelas peruntukan yang ada menetapkan pelajar tidak boleh terbabit dengan kegiatan parti politik sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Ini terbukti, apabila Pas bercadang membuka kaunter keahlian di universiti dan pelajar terbabit secara langsung dengan kegiatan antikerajaan, universiti tidak memantau keadaan itu dan hanya menutup sebelah mata," katanya.

Beliau meminta kerajaan dan universiti khasnya membuat kerja pemantauan lebih serius terhadap aktiviti pelajar universiti bagi memastikan mereka tidak terpengaruh kegiatan antikerajaan.

Di KUANTAN, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata kegagalan pelajar Melayu memperoleh keputusan cemerlang dengan kepujian di universiti disebabkan mereka tidak memberi tumpuan terhadap pengajian, sebaliknya lebih tertumpu kepada kegiatan politik.

Katanya, keadaan itu mungkin disebabkan kelalaian pelajar Melayu yang mendapat pelbagai kemudahan kerajaan, termasuk peluang memasuki universiti menerusi kuota dan mendapat biasiswa atau pinjaman membiayai pengajian.

"Saya bersetuju saranan Perdana Menteri berhubung kajian semula AUKU sama ada perlu dipinda peraturan tertentu, bagi memastikan pelajar menumpu sepenuh perhatian kepada pelajaran di universiti.

"Ini kerana kebanyakan pelajar yang terbabit kegiatan yang tiada kaitan dengan pendidikan itu ialah Melayu dan perkembangan itu sangat menyedihkan," katanya.

Bagaimanapun, sumber-sumber memberitahu Berita Harian, persefahaman mengenai cadangan pindaan akta itu sudahpun dicapai antara universiti dan Kementerian Pendidikan dan hanya menunggu untuk diwartakan di Parlimen tidak lama lagi.

(END)